

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERTHORMAT
DATO' DR. MAH HANG SOON
TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN II**

**SEMPENA
BULAN LITERASI KEWANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PADA
6 OKTOBER 2020
12.00 TENGAHARI**

**TEMPAT
RUANG LEGAR ARAS 6, BLOK E8 KPM**

Selamat tengah hari,

Terima kasih saudara/ saudari pengacara majlis. Hadirin yang saya hormati:

Yang saya hormati,

- 1. Yang Berbahagia Datuk Yusran Shah bin Mohd. Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
- 2. YBrs. Dr. Mohamed bin Abu Bakar**
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Dasar dan Kurikulum
(mewakili Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia)
- 3. YBhg. Datin Arlina bt. Ariff**
Pengarah
Jabatan Kewangan Pembangunan dan Rangkuman Kewangan
Bank Negara Malaysia
- 4. Yang Dihormati En. Jawahar Ali bin Ameer Ali**
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Pengguna dan Pelabur
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- 5. Yang Dihormati Barisan Pengurusan Tertinggi**
Kementerian Pendidikan Malaysia
- 6. Pengarah-pengarah Bahagian KPM**
- 7. Wakil-wakil Financial Education Network (FEN) dari:**
 - i. Bank Negara Malaysia
 - ii. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
 - iii. Kementerian Pengajian Tinggi
 - iv. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
 - v. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
 - vi. Permodalan Nasional Berhad
- 1. Para jemputan, dan sidang hadirin yang dihormati sekalian.**

Selamat sejahtera.

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih atas kehadiran tetamu yang mewakili semua agensi yang menjadi tonggak dalam Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network* atau FEN) kerana sudi bersama-sama kita dalam majlis kita hari ini iaitu Majlis Pelancaran Bulan Literasi Kewangan Tahun 2020 Peringkat KPM.
2. Saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak jawatankuasa pelaksana serta semua bahagian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah berjaya merealisasikan program pada hari ini.

Yang Berbahagia Datuk, Datin, Dr., Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Apabila kita berbicara mengenai kewangan pasti terlintas di minda kita jumlah pendapatan bulanan, perbelanjaan bulanan dan wang simpanan.
4. Kita juga sering mendengar kes kebangkrapan dalam kalangan golongan muda yang meningkat pada masa ini berada pada tahap membimbangkan.
5. Secara tidak langsung semua ini menggambarkan bagaimana kebijaksanaan seseorang individu mengurus kewangan untuk diri sendiri mahupun untuk keluarga.

6. Kebijaksanaan ini sangat penting untuk kita merancang dan mengurus kewangan peribadi dengan cekap lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi pada masa kini dan kos sara hidup yang semakin tinggi.
7. Keupayaan untuk membuat keputusan kewangan yang bijak merupakan elemen penting dalam kehidupan seharian bagi memastikan kita mampu memenuhi keperluan kewangan semasa dan akan datang.
8. Isu berkenaan tahap literasi kewangan yang rendah bukan sahaja dihadapi oleh negara seperti Malaysia, malah isu ini adalah isu global yang turut dihadapi oleh negara-negara lain.
9. Oleh itu, kemahiran mengurus kewangan dengan bijak adalah penting untuk kita merancang menjalani kehidupan seharian dengan lebih baik.
10. Menyedari hakikat ini, penubuhan *Financial Education Network* atau FEN adalah sangat wajar di mana FEN berperanan sebagai satu platform untuk agensi yang terlibat bekerjasama melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia.
11. Seperti yang kita maklum, Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 atau Strategi Kebangsaan telah dilancarkan pada tahun 2019.

12. Matlamat strategi ini adalah untuk meningkatkan tahap literasi kewangan rakyat Malaysia dan memupuk tabiat serta sikap bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan peribadi.
13. Justeru, FEN adalah pemacu kepada usaha untuk mencapai matlamat yang dihasratkan dalam Strategi Kebangsaan.
14. Tahniah dan syabas kepada semua anggota FEN yang diterajui bersama oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dengan anggota yang terdiri daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB).
15. Berdasarkan pelan holistik bawah Strategi Kebangsaan, lima Strategi Utama telah dipertanggungjawabkan kepada semua anggota FEN.
16. Jelas menunjukkan bahawa semua strategi yang dirancang adalah untuk menyokong aspirasi kerajaan dalam aspek “kemakmuran bersama” yang mahu memastikan rakyat Malaysia diperkasa dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta keyakinan yang mantap dalam membuat keputusan kewangan.
17. Begitu juga dengan KPM yang bertanggungjawab melaksanakan Strategi Utama yang pertama iaitu “menyemai nilai murni sejak usia muda”.

18. Melalui strategi ini, peranan KPM umpama melentur buluh biarlah dari rebungnya yang mana kesedaran terhadap pengurusan kewangan yang bijak perlu diterapkan sejak kecil lagi.
19. Strategi Utama yang pertama ini adalah usaha untuk membina modal insan yang mempunyai asas mengurus kewangan sendiri yang cekap sejak dari bangku sekolah.
20. Usaha pembangunan insan dalam pengurusan kewangan merupakan satu proses pendidikan yang utama serta berterusan bersesuaian dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial agar mempunyai potensi serta berpengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu.
21. Pendidikan kewangan adalah tonggak penting kepada literasi kewangan dan hendaklah bermula pada usia muda bagi memastikan setiap individu berupaya untuk membuat keputusan dalam pengurusan kewangan peribadi yang merangkumi simpanan, pelaburan, hutang, risiko, perlindungan dan insurans untuk mengelakkan bebanan kewangan pada masa akan datang.
22. Ini membolehkan generasi muda mengaplikasikan apa-apa yang telah mereka pelajari tentang cara mengendalikan kewangan peribadi dan mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemat.

23. Mereka yang celik kewangan dapat membuat keputusan kewangan secara lebih bijak pada setiap peringkat kehidupan ke arah peningkatan taraf hidup masing-masing.

Yang Berbahagia Datuk, Datin, Dr., Tuan-tuan dan Puan-puan,

24. Bagi mencapai matlamat Strategi Kebangsaan dan khususnya Strategi Utama yang dipertanggungjawabkan kepada KPM, pelbagai aktiviti dan program sedang dilaksanakan seperti:
- i. Mengintegrasikan dan melaksanakan Pendidikan Kewangan dalam mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM);
 - ii. Memperluas pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari dalam pendidikan kewangan untuk diaplikasikan di luar bilik darjah;
 - iii. Menganjurkan Kempen Menabung dalam kalangan murid dan Pertandingan Amalan Pendidikan Kewangan dalam kalangan murid sekolah;
 - iv. Menawarkan kursus elektif kepada guru bawah Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) secara inisiatif sendiri seperti Latihan dalam Perkhidmatan (LADaP) pada peringkat sekolah dan portal e-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA);

- v. Melaksana tindak susul dan runding cara dalam Pelan Tindakan Pendidikan Kewangan bagi Pengetua/ Guru Besar yang berkursus;
- vi. Menjalankan Kursus Celik Kewangan kepada pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Praperkhidmatan;
- vii. Menerap pendidikan kewangan dalam kes tata tertib bagi Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Pejabat; dan
- viii. Mendapatkan sokongan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah untuk memberi kesedaran kewangan kepada ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan ilmu pengurusan kewangan.

Yang Berbahagia Datuk, Datin, Dr., Tuan-tuan dan Puan-puan,

- 25. FEN telah memilih bulan Oktober sebagai Bulan Literasi Kewangan bagi seluruh negara pada setiap tahun dan kementerian serta agensi di bawah FEN digalakkan untuk menjalankan aktiviti bagi menyemarakkan lagi sambutan bulan ini.
- 26. Sebagai anggota FEN, KPM juga membuat perancangan untuk sambutan bulan tersebut. Antaranya ialah majlis ini iaitu Majlis Pelancaran Bulan Literasi Kewangan 2020 Peringkat KPM dan menganjurkan pelbagai aktiviti oleh bahagian masing-masing bersempena sambutan bulan ini.

27. Majlis ini merupakan satu aktiviti yang menandakan pembukaan kepada Bulan Literasi Kewangan 2020. Objektif Bulan Literasi Kewangan 2020 Peringkat KPM adalah untuk:
- i. menghebahkan aktiviti berkaitan pendidikan kewangan; dan
 - ii. meningkatkan kesedaran murid, warga KPM, ibu bapa dan masyarakat dalam pengurusan kewangan yang berkesan.
28. Hebahan dan pelibatan murid, guru, ibu bapa, masyarakat serta warga KPM dalam aktiviti yang dirancang adalah sangat penting untuk memberi kesedaran dalam literasi kewangan.
29. Di samping program yang dijalankan di sepanjang tahun yang saya sebutkan tadi, saya difahamkan bahagian-bahagian KPM telah merancang untuk menganjurkan aktiviti khusus bersempena Bulan Literasi Kewangan 2020 seperti:
- i. Pertandingan pidato, kuiz kesedaran kewangan dan pertandingan membina infografik serta sebaran video berkaitan literasi kewangan untuk murid dan pelajar IPG;
 - ii. Ceramah serta webinar berkaitan pengurusan kewangan untuk murid, guru dan warga KPM; dan
 - iii. Uji rintis pelaksanaan Modul Pendidikan Kewangan Sekolah Menengah di sekolah yang terpilih.

30. KPM berharap semua aktiviti yang dilaksanakan dapat membantu mencapai objektif seperti yang dihasratkan oleh kementerian dan juga FEN dalam menrealisasikan matlamat Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan walaupun pelaksanaannya pada tahun ini agak terhad disebabkan oleh pandemik yang melanda negara.
31. Saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada pihak Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia selaku peneraju FEN dan juga anggota-anggota FEN yang lain kerana telah bersama-sama dengan KPM sejak dari awal strategi ini bermula untuk menjayakan usaha menerapkan elemen literasi kewangan dalam kurikulum dan aktiviti kokurikulum di peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pendidikan.
32. Terima kasih juga kepada Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang sudi menyumbang hadiah kepada pemenang-pemenang dalam pertandingan yang dianjurkan oleh KPM.

Yang Berbahagia Datuk, Datin, Dr., Tuan-tuan dan Puan-puan,

33. Akhir sekali, saya ingin tekankan bahawa KPM sentiasa bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak untuk melaksanakan tanggungjawab serta usaha meningkatkan tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar di seluruh negara.

34. Marilah kita bekerjasama ke arah mencapai misi dan visi FEN untuk membangunkan masyarakat yang mampu membuat keputusan kewangan yang bijak supaya bebas daripada salah laku atau kesilapan urusan kewangan serta dapat mempertahankan diri daripada menjadi mangsa penipuan kewangan.

35. Saya penuh yakin bahawa pelan tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh KPM adalah seiring dengan matlamat FEN. Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang sama-sama menggembleng tenaga dalam menjayakan usaha ini.

36. Dengan rasminya, saya dengan ini melancarkan Bulan Literasi Kewangan Tahun 2020 Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sekian, terimakasih.